



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Selasa, 11 April 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Nasional	8

KPDN nafi harga daging import naik

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menafikan dakwaan peningkatan harga daging import membabitkan lembu dan kerbau.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata harga daging lembu import kekal antara RM18 hingga RM22 sekilogram mengikut gred daging.

Katanya, peningkatan harga itu berlaku pada daging lembu tempatan yang tidak dikawal oleh kerajaan, berikutan permintaan tinggi daripada pengguna.

"Pengguna khususnya di utara, tidak makan daging kotak sebaliknya memilih daging lembu tempatan. Jadi, pasarannya memang ada.

"Sekiranya peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga, orang ramai boleh buat laporan kepada KPDN.

"Rabu ini (esok), KPDN akan umumkan 30 senarai barang keperluan rakyat di bawah Skim Kawalan Harga Musim Perayaan," katanya di sini, semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan Majlis Penyerahan Bakul Rahmah sumbangan 99 Speed Mart Sdn Bhd bernilai RM1 juta, iaitu bersamaan dengan 20,000 Bakul



Salahuddin pada Majlis Penyerahan Bakul Rahmah sumbangan 99 Speed Mart di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Rahmah untuk diedarkan kepada golongan sasaran.

Salahuddin menegaskan, harga barang keperluan asas yang dikawal oleh KPDN tidak pernah naik.

"KPDN tidak akan bertolak ansur dan tindakan akan dikenakan kerana ia menyusahkan rakyat," katanya.

Mengenai Bakul Rahmah, beliau berkata, kementeriannya menasaskan agihan untuk 130,000 isi rumah miskin tegar pada Julai ini.

"Buat masa ini, sebanyak 80,000 Bakul Rahmah berjaya dikumpul dengan rakan strategik dan berharap dapat diagihkan sebelum Aidilfitri ini," katanya.